

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]**

SOALAN :

Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik golongan muda yang berusia bawah 35 tahun yang telah diisytiharkan mufliis dan adakah sebarang bentuk bantuan diberikan secara khusus kepada golongan ini.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan rekod Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi), jumlah kes kebangkrutan yang melibatkan golongan muda yang berusia bawah 35 tahun dari tahun 2007 hingga April 2014 ialah sebanyak 28,368 kes. Statistik mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH
2007	2,302
2008	2,194
2009	3,482
2010	4,263
2011	4,388
2012	4,100
2013	5,420
Januari hingga April 2014	2,219
JUMLAH	28,368

2. Mdi telah melaksanakan program *outreach* yang bertujuan menyampaikan maklumat, memberi pendidikan dan mewujudkan kesedaran di kalangan bankrap dan masyarakat mengenai insolvensi. Aktiviti program *outreach* termasuklah taklimat, pameran dan

kaunseling mengenai insolvensi. Bagi tempoh Januari 2013 hingga April 2014, sebanyak 148 program *outreach* telah dilaksanakan.

3. Selain itu, bantuan juga diberikan kepada golongan muda yang bankrap dengan cara menyebarkan maklumat dan kesedaran berkenaan cara pengurusan kewangan yang baik, kesan-kesan kebangkrapan serta cara keluar daripada kebangkrapan melalui media elektronik dan media cetak. Bagi tempoh Januari 2013 hingga April 2014, Mdl telah bersiaran dalam 11 program bual bicara dan lebih daripada 83 artikel berkenaan insolvensi telah diterbitkan.

4. Di samping itu, Mdl juga telah menyertai Karnival Belia Putrajaya, mengadakan pameran dan *roadshows* serta bekerjasama dengan Jabatan Belia Negara bagi mendekati dan memberi kesedaran mengenai insolvensi kepada golongan muda.

5. Mdl turut melaksanakan Strategi Lautan Biru dengan kerjasama agensi di bawah Bank Negara Malaysia iaitu Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang bertujuan memberikan kesedaran tentang insolvensi terutamanya kesan-kesan kebangkrapan kepada golongan belia supaya dapat menangani masalah di peringkat pra kebangkrapan lagi.

Sekian, terima kasih.